

Daim mahu lepas jawatan Bendahari

11 JAN 1991

Oleh JAILANI HARUN

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, hari ini menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Bendahari Umno dan jawatan penting yang lain.

Sebelum ini, beliau sudah pun menegaskan pendiriannya untuk berundur daripada Kabinet, dengan alasan beliau sudah lama memegang jawatan itu dan masanya sudah tiba bagi orang lain mengambil alih tugas berkenaan.

Menjawab soalan pemberita di sini, Datuk Paduka Daim berkata hasrat untuk menarik diri daripada Kabinet bukanlah perkara baru kerana ia sudah beberapa kali dinyatakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara sebab hasrat perletakan jawatannya itu, katanya, ialah janjinya dengan Perdana Menteri untuk ber-

khidmat sehingga ekonomi negara pulih.

Datuk Paduka Daim sebelum ini berkata, keadaan ekonomi negara kini bukan saja sudah pulih, bahkan mencatat pertumbuhan 9.5 peratus tahun lalu dan dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang sihat sebanyak 7.8 peratus tahun ini.

Bagaimanapun, katanya, keinginan terbaru untuk melepaskan jawatan sebagai Bendahari Umno akan hanya disampaikan kepada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, apabila mereka bertemu.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir yang ditemui di bangunan Parlimen petang ini, hanya mengesahkan bahawa Datuk Paduka Daim ada menemui beliau di Jabatan Perdana Menteri, tengah hari ini.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas butir-butir

rundingan kira-kira 75 minit itu.

Dalam pertemuan empat mata itu, katanya, Datuk Paduka Daim cuma menyatakan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan untuk menerima atau menolak hasrat itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak memberi sebarang jawapan kepadanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak dapat menyatakan bilakah beliau akan membuat keputusan.

"Itu terserahlah kepada saya. Saya akan mengambil masa untuk membuat pertimbangan," katanya.

Ketika menjawab soalan pemberita pagi ini, Datuk Paduka Daim berkata, beliau yakin Perdana Menteri akan

LIHAT MUKA 6

Daim tidak mahu tanding lagi

DARI MUKA 1

memahami pendiriannya.

"Hasrat saya meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan sudah beberapa kali dimaklumkan kepada beliau. Sebagai Bendahari Umno, inilah pertama kali," katanya.

Beliau juga menyatakan hasratnya untuk tidak bertanding lagi dalam pilihanraya umum akan datang.

"Saya tidak mahu jadi Ahli Parlimen lagi. Kalau saya tidak bertanding dalam pilihanraya umum yang lalu (1990), senanglah saya. Kalau boleh, saya tidak mahu bertanding apa-apa jawatan lagi," katanya.

Menjawab soalan sama ada rancangannya untuk bersara daripada Kabinet bermakna bahawa beliau benar-benar sudah berpuas hati dengan kejayaannya memantapkan ekonomi negara, Datuk Paduka Daim berkata: "Ya. Saya puas hati."

Sehubungan itu, katanya, beliau berasakan tidak perlu lagi berkhidmat di dalam kerajaan.

"Saya sudah lama dalam Kabinet. Sudah tujuh Belanjaan Negara saya bentangkan walaupun Tengku Razaleigh membentangkannya lapan kali. Menyediakan Belanjaan bukan kerja mudah. Berilah kepada orang lain pula," katanya.

Apabila mendengar usikan pemberita bahawa ramai pemimpin dalam Kabinet mahukan beliau mengekalkan jawatannya, Menteri itu bertanya: "Siapa kata?"

Beliau bagaimanapun enggan menjawab pertanyaan sama ada soalnya itu bermaksud bahawa beliau memang tahu ada pihak yang tidak senang dengan kedudukannya sekarang.

Datuk Paduka Daim hanya berkata bahawa beliau tidak pernah berselisih faham dengan sesiapa pun.

Mengenai rancangan masa depannya jika beliau meletakkan jawatan, Datuk Paduka Daim, sambil ketawa, menjawab: "Tidur! Saya sudah lama tidak cukup tidur."